

**BAGI MENGATASI MASALAH KEMASUKAN
YANG SEMAKIN BERTAMBAH — PM**

**Pastikan anda
percuma bersa**

Pendatang tanpa izin Sabah akan dihantar

UM 23 MAR 1990

Oleh
Aziz Ishak

GENTING HIGHLANDS 22 Mac —
Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad
berkata, kerajaan akan mengambil
tindakan menghantar pulang pendatang
- pendatang tanpa izin di Sabah bagi
mengatasi masalah kemasukan mereka
yang semakin bertambah di negeri itu.

Perdana Menteri berkata: "Kerajaan akan menentu-
kan pendatang - pendatang tanpa izin dihantar pulang."

Bagaimanapun, katanya, penghantaran pulang mere-
ka bukanlah perkara yang mudah kerana kerajaan terpaksa
mengambil kira perkara lain seperti masalah sosial.

**dapat jadual berbuka puasa
ma Utusan Malaysia hari ini**

di balik

"Ia bukanlah semudah untuk mengusung mereka dan memasukkan ke dalam kapal. Lagipun kita tidak mahu bertindak di luar batas kemanusiaan," katanya kepada para pemberita selepas mengadakan perjumpaan tahunan dengan pegawai - pegawai tinggi perkhidmatan kerajaan di Awana Country Club di sini pagi ini.

Boleh menguasai

Dato' Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar bahawa jumlah pendatang tanpa izin di Sabah kini kira-kira 700,000 orang dan jumlah tersebut dijangka mengatasi penduduk tempatan pada tahun 2008.

Menteri Kewangan Sabah, Datuk Bernard Dompok pada hari Isnin lalu berkata, dengan bilangan tersebut, pendatang tanpa izin boleh menguasai 10 dari 20 kerusi Parlimen di negeri itu.

Menjawab satu pertanyaan, Perdana Menteri mengakui bahawa masalah pendatang tanpa izin di negara ini yang wujud sejak tahun 70-an sukar diatasi.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, salah satu sebabnya ialah negara mempunyai pantai yang luas dan agak sukar untuk mengawal kemasukan mereka.

"Walaupun kita hantar mereka pulang, esok mereka datang balik. Itulah masalahnya," katanya.

Sabtu lalu, Perdana Menteri berkata, langkah tertentu perlu diambil untuk mengatasi masalah kedatangan pendatang tanpa izin ke Sabah kerana ia semakin menjadi masalah besar.

Menurut beliau, jumlah pendatang tanpa izin dari Indonesia dan Filipina di negeri itu sudah hampir separuh dari jumlah seluruh penduduk Negeri Sabah.